

# MAJLIS PENUTUP KURSUS ASAS PEGAWAI MATERIEL SIRI 49/2017

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2453-majlis-penutup-kursus-asas-pegawai-materiel-siri-49-2017](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/2453-majlis-penutup-kursus-asas-pegawai-materiel-siri-49-2017)

INSMAT, 20 Sept 17 – Majlis Penutup Kursus Asas Pegawai Materiel Siri 49/17 telah berlangsung di Auditorium Institut Latihan Pengurusan Materiel TUDM Kinrara yang disempurnakan oleh Pengarah Belanjawan, YBhg Kol Zainal bin Abdul Manaf TUDM.

Pelatih Akademik Terbaik bagi Kursus Asas Pegawai Materiel ialah Lt M Yastie binti Zulkefli TUDM dan bagi Anugerah Pelatih Terbaik Keseluruhan telah dinobatkan kepada Lt M Asif bin Mohd Ridzwan TUDM.

Dalam Ucapan, beliau mahukan penuntut supaya banyak berfikir dan melengkapkan diri dengan menguasai pelbagai kemahiran dan ilmu pengetahuan melalui pembacaan, pengamatan, pergaulan dan pengalaman selain sensitif dan peka dengan keperluan serta isu semasa yang berlaku di sekeliling. Perancangan yang dibuat juga perlu diatur dengan baik dan teliti supaya hasil yang akan diperolehi akhirnya nanti mampu membawa perubahan baik.



